

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UMS**  
**Y.BHG. PROF. DATUK DR. D. KAMARUDIN D. MUDIN**  
**DI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM**  
**PERSEFAHAMAN (MOU)**  
**DI ANTARA FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN,**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (FPP, UMS)**  
**DENGAN INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA**  
**MALAYSIA (IYRES)**  
**21 NOVEMBER 2017**  
**DI FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN,**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين  
والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،  
وعلى آله وصحبه أجمعين.  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
dan Salam sejahtera

**Saudari Pengerusi Majlis,**

**Y.Bhg Dato' Hj Adnan Abu Hassan**  
**(Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES)**

**Y.Brs. Dr. Zainah Binti Shariff**  
**(Ketua Pegawai Eksekutif IYRES)**

**Y.Brs En. No'man Hj Ahmad**  
**(Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah)**

**Y.Brs Prof. Dr. Hj Mohd Dahlan Hj.A. Malek**  
**(Dekan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan)**

**Y.Brs. Dr. Roslee Talip**  
**(Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Fakulti Psikologi dan Pendidikan)**

**Y.Brs. Prof. Madya Dr. Dayang Maryama Ag. Daud**  
**(Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Psikologi dan Pendidikan)**

**Y.Brs. Dr. Getrude C.Ah Gang**  
**(Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, kita dapat berhimpun dalam majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada hari ini.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian Y.Bhg Dato' Hj Adnan Abu Hassan (Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES) untuk hadir dan melapangkan masa bersama-sama kita di majlis ini dan sudi menandatangani MoU FPP, UMS-IYRES bagi tempoh 2017 – 2022.

Hasrat untuk mengadakan kerjasama ini adalah hasil daripada perbincangan awal di antara Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sejak tahun 2015 dan susulan dari tersebut sehingga kesepakatan untuk menandatangani MoU dapat direalisasikan pada hari ini.

**Para hadirin sekalian,**

Program Pembangunan Belia dan Komuniti telah diperkenalkan pada tahun 1997. Program ini diadakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pembangunan belia dan komuniti.

Dalam usaha untuk memantapkan budaya ilmu UMS, Program Pembangunan Belia dan Komuniti, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) mengambil inisiatif menjalankan jaringan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Majlis menandatangani MoU FPP, UMS dengan IYRES merupakan satu simbol kesepakatan di dalam melahirkan warga yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang pembangunan belia dan komuniti.

Saya berharap melalui hubungan kerjasama ini akan lebih banyak program akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan akan dilaksanakan bagi manfaat ke dua-dua institusi. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) kerana bersetuju untuk mengukuhkan lagi hubungan di antara Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) melalui memorandum persefahaman (MOU) yang merangkumi perkara berikut:

1. Menjalankan penyelidikan bersepada berkaitan pembangunan belia dan komuniti antara Fakulti Psikologi dan Pendidikan,

Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

2. Menjalankan program akademik dengan memberikan kebenaran kepada pelajar untuk menjalani praktikum di organisasi belia dan sukan,
3. Mengadakan persidangan,
4. Mengadakan kerjasama khidmat komuniti dalam menyediakan modal insan yang jitu dalam pembangunan belia dan komuniti.

Diharapkan melalui perjanjian persefahaman ini akan lebih giat lagi aktiviti yang akan dilaksanakan dan UMS sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama bagi memartabatkan ilmu. FPP UMS dan IYRES juga sedang dalam perbincangan untuk bekerjasama dalam penyelidikan lanjut mengenai pelbagai bidang melibatkan pakar-pakar dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (FPP, UMS) dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sendiri.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua para tetamu, khususnya Y.Bhg Dato' Hj Adnan Abu Hassan, Y.Brs. Dr. Zainah Binti Shariff dan para hadirin kerana sudi hadir ke UMS bagi menyempurnakan majlis ini. Saya mendoakan agar majlis pada petang ini berjalan dengan jayanya dan mendapat rahmat dari Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.